

10 AUG 1998

Laos-sambutan

PERDANA MENTERI LOAS DIBERIKAN SAMBUTAN RASMI

KUALA LUMPUR, 10 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Laos Sisavath Keobounphanh yang tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara ini diberikan sambutan rasmi di dataran Parlimen di sini.

Ketibaan beliau di dataran Parlimen disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan sementara Sisavath memeriksa perbarisan hormat oleh pegawai dan anggota Batalion Pertama Regimen Askar Melayu Diraja.

Perdana Menteri Laos itu kemudian diperkenalkan kepada anggota Kabinet dan kor diplomatik.

Sebelum itu, Sisavath dan isterinya Khamla Keobounphanh, disambut di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di sini oleh Timbalan Menteri Luar Datuk Leo Michael Toyad dan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Abu Bakar Daud, yang juga menteri pengiring.

Sisavath mengetuai delegasi 12 anggota terdiri daripada beberapa menteri dan pegawai.

Inilah lawatan yang pertama oleh seorang ketua kerajaan Laos sejak negara itu menyertai Asean dalam bulan Julai 1997.

Laos dan Malaysia dijangka akan membincangkan kedudukan kewangan dan ekonomi di rantau ini dan usaha-usaha bersama untuk mengatasi masalah itu, dalam satu mesyuarat yang akan diadakan esok.

Laos, sebuah negara yang terletak di tengah-tengah semenanjung Indochina, juga terjejas dengan krisis ekonomi yang melanda rantau ini.

Kedua-dua negara dijangka akan menandatangani perjanjian berkaitan dagangan dua hala dan kerjasama pelancongan.

Pemimpin Laos itu dan delegasinya juga akan mengadakan pertemuan dengan anggota-anggota Dewan Perniagaan dan Perindustrian Malaysia (NCCIM).

Malam ini, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah Mohd Ali akan mengadakan jamuan makan malam bagi meraikan tetamu dari Laos itu.

Sisavath dan Khamla dijangka akan mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara esok.

-- BERNAMA

AFY RI